

TARIKH  
MEDIA  
MUKA SURAT

11.7.2019 (KHAMIS)  
BERITA HARIAN  
10

# Pembangunan strategik menyejahterakan rakyat Johor



Datuk  
Dr Sahruddin  
Jamal  
Menteri Besar Johor

Tanggal 11 Julai 2019 adalah hari yang sangat bermakna bagi negeri Johor. Ini disebabkan Johor negeri pertama dikunjungi Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Bellau dalam rangka lawatannya ke seluruh negara untuk mendapatkan input bagi menggalakkan pelan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKE-12).

Dalam majlis pelancaran RMKE-12, bellau menelekankan tiga daratan utama iaitu penerkasaan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial serta amalan tadbir urus yang terbaik. Dalam pada itu, kerajaan negeri Johor sedang dalam peringkat akhir merangka Pelan Pembangunan Mampuan Johor 2019-2030.

Sebenarnya pelan ini menggambarkan idea, pemikiran dan gagasan barisan kepemimpinan kerajaan negeri untuk meneruskan kelangsungan pembangunan strategik yang menyeluruh di Johor. Pelan pembangunan ini berteraskan 'Negeri Johor Berprestasi Tinggi, Bangsa Johor Besar-tari'.

Menerusi pelan ini, kerajaan negeri berusaha melengkapkan Johor menjadi sebuah kuasa ekonomi yang disegani di peringkat nasional dan global, selain memberi penekanan kepada pembangunan modal insan yang progresif, berinovasi dan besar.

Untuk menjalankan hasrat itu, Johor terus berusaha menarik lebih ramai pelabur asing dari seluruh dunia. Sejak sekian lama, Johor menjadi destinasi utama pe-

laburan asing kerana kemesraan dasar kerajaan dan kesegaran pertumbuhan ekonominya.

Natijahnya, negeri Johor menerima nilai kelulusan projek perkilangan (pembuatan) tertinggi dari 2013 hingga 2018 ini sebanyak RM145 bilion, berbanding keseluruhan jumlah kelulusan di terima negara sebanyak RM408 bilion.

Jumlah ini memenukkan 35 peratus nilai pelaburan negara di sektor ini disumbangkan dari negeri Johor. Lebih menarik lagi, nilai kelulusan bagi projek perkilangan (pembuatan) negeri Johor pada 2018 mempunyai sebanyak 76 peratus diterima dari pelaburan asing yang mencerminkan keyakinan pelabur asing terhadap senario ekonomi di negera ini khususnya di Johor.

Pada 2018, Johor terus kekal sebagai antara negeri penyumbang di Malaysia dengan jumlah dagangan berdasarkan pintu keluar dan masuk sebanyak RM35.7 bilion. Seterusnya, Johor terus kekal antara negeri yang menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan pencapaian Keluaran Darat Negara Kasar (KDNK) 2018 sebanyak RM117 bilion bersamaan 9.5 peratus dari nilai KDNK di peringkat nasional.

Di sebalik senario ekonomi dunia yang tidak menentu, KDNK Johor dijunjung mengalami pertumbuhan sebanyak 5.2 hingga 5.5 peratus pada 2019 dengan asas kepada penggalan sumber ekonomi negeri. Dalam pada itu, Johor juga menggalakkan rakyatnya tercabut dengan program ekonomi baharu termasuk keturusan digital dan ekonomi kreatif.

Tentunya ia membabitkan golongan muda yang mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif. Dalam menuju pembangunan yang seimbang dan menyeluruh berpunca kepada kesejahteraan bangsa Johor, program keusahawanan di-

gital diperkenalkan dan diperluaskan.

Pada 2017, Johor mencatat pendapatan daripada transaksi e-dagang sebanyak RM49.8 bilion, menjadikannya sebagai negeri ketiga selepas Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Berdasarkan perspektif sejarah, Johor diletakkan dalam kalangan negeri-negeri maju di Malaysia. Jelajahnya, barisan kepemimpinan terdahulu meletakkan Johor di hadapan dengan pelbagai dasar dan program pembangunan di seluruh negeri.

Misalnya, sebelum 2018, ada dua pelan pembangunan dinamakan gagasan Johor Berkemajuan dan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor bagi memperkuatkan pembangunan inklusif Johor. Justeru, pelaksanaan Polan Pembangunan Mampang Johor 2019-2030 akan signifikan kerana ia mempunyai kaitan dengan kadar pertumbuhan ekonomi negeri, kemasukan pelaburan asing, peranan peluang pekerjaan, kestabilan politik, keharmonian sosial dan pembangunan yang progresif.

Apa yang lebih penting, penggalan pelan jangka sederhana panjang ini akan memandu seluruh barisan kepemimpinan kerajaan negeri dan jentera pentadbiran kerajaan negeri untuk realisasikan strategi pembangunan di seluruh Johor.

Menerusi teras pemerikasan ekonomi, kerajaan Johor berharap untuk menjalankan program pembangunan wilayah yang lebih strategik. Agensi persekitaran seperti Pihak Berkasas Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dipertanggungjawabkan menjalankan pelbagai inisiatif berimbas tinggi di beberapa daerah di Johor.

Lihat Maka II